BH ONLINE

Rabu, 28 Julai 2021, 11:41am

App Store Google Play

NASIONAL KES POLITIK PENDIDIKAN WILAYAH

# Petugas kesihatan main peranan besar kawal wabak

Oleh Zanariah Abd Mutalib - Julai 28, 2021 @ 11:17am
zanariah_mutalib@bh.com.my



PENERIMA vaksin, Ahmad Marzuky Othaman menerima suntikan ketika Program Mobilisasi Vaksin Komuniti (MOVAK) di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di Dewan Dato Ahmad Razali. NSTP/ASYRAF HAMZAH

KUALA LUMPUR: Petugas barisan hadapan kesihatan negara memainkan peranan amat besar dalam usaha mengawal penularan jangkitan COVID-19, sekali gus membantu menjayakan Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Pakar penyakit berjangkit, Prof Datuk Dr Adeeba Kamarulzaman, berkata walaupun beberapa negeri sudah memasuki Fasa Dua PPN selepas mencapai nilai ambang yang ditetapkan, peranan petugas kesihatan tidak berkurangan, sebaliknya perlu terus memastikan lonjakan semula kes tidak berlaku.

Prof Adeeba yang juga Anggota Majlis Sains Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), berkata negeri seperti Perlis, Perak, Kelantan, Terengganu, Pahang, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak sudah berjaya beralih ke Fasa Dua, selepas usaha yang dilakukan dari segi mengurangkan jumlah kes jangkitan dan meningkatkan kadar vaksinasi, yang bakal diikuti negeri lain.

"Jika ada trend peningkatan kes, petugas kesihatan ini perlu mencari sebanyak mungkin kes dan kontak rapat dan mengasingkan mereka bagi memutuskan jangkitan.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- Vaksinasi lebih 420,000 semalam, berita baik ke arah imuniti kelompok
- Calon SPM, remaja bawah 17 tahun tidak diberi vaksin

TERKINI PILIHAN PEMBACA

- 5m OLIMPIK: Khairul Anuar ke peringkat 16 akhir
- 18m Kuarantin pelakon, kru sepanjang 'shooting'
- 19m 18.4 juta vaksin sudah disuntik
- 24m Petugas kesihatan main peranan besar kawal wabak
- 29m Lelaki maut, kereta rempuh jentera buat jalan
- 30m Dr Noor Hisham harap Akta Pencen diteliti semula
- 33m Kongres AS desak penaja boikot Sukan Olimpik Beijing
- 36m 9 menara komunikasi baharu di Kudat beroperasi sepenuhnya

VAKSIN


NASIONAL 20 minit yang lepas
18.4 juta vaksin sudah disuntik


NASIONAL Jul 27, 2021 @ 5:34pm
PAC syor tetapkan harga siling vaksin Sinovac segera


NASIONAL Jul 27, 2021 @ 2:24pm
Tiada sejarah vaksinasi berisiko tinggi dijangkiti COVID-19


NASIONAL Jul 27, 2021 @ 2:18pm
Labuan yang pertama capai imuniti kelompok bendung COVID-19


NASIONAL Jul 27, 2021 @ 11:47am
Malaysia rekod 521,923 dos suntikan vaksin semalam - JKAV


NASIONAL Jul 26, 2021 @ 8:15pm

TRENDIN


Dr Noor Hisham harap Akta Pencen diteliti semula

LAIN-LAIN (SUKAN) 2 jam yang lepas

tidak diberi vaksin

- Imuniti kelompok, pematuhan SOP jalan keluar pandemik
- Kelonggaran individu lengkap vaksin diputus minggu depan - Muhyiddin




"Perkara terakhir yang kita mahu adalah sekatan pergerakan yang berulang kerana ia menjejaskan kehidupan rakyat dan ekonomi.

"Sehingga program vaksinasi menunjukkan keberkesanan, petugas kesihatan perlu keluar dan mengambil langkah kesihatan awam tradisional untuk memutuskan rangkaian jangkitan.

"Tidak semestinya apabila kita beralih ke Fasa Dua, kita sudah boleh menarik nafas lega dan tidak lagi berwaspada," katanya pada temu bual bersama media, semalam.

Justeru, Dr Adeeba menegaskan mengenai pentingnya data terkini dan terperinci pada peringkat negeri serta daerah supaya peningkatan kes dapat dipantau dengan teliti serta langkah segera boleh diambil petugas kesihatan.

Beliau juga berpandangan, sekatan pergerakan tidak boleh dilonggarkan terlalu cepat berikutan jumlah kes COVID-19 yang masih tinggi ketika ini, selain penggunaan katil di unit rawatan rapi (ICU) yang masih membimbangkan.

Mengulas kes jangkitan yang tinggi terutama di Lembah Klang, Prof Adeeba menjelaskan, banyak faktor yang mempengaruhi situasi itu, antaranya jumlah kilang yang menyumbang kepada kluster COVID-19 dan kepadatan penduduk.

"Sejak kebelakangan ini, kerajaan giat memberikan vaksin kepada penduduk dan ia adalah tindak balas pandemik yang memberi harapan kepada kita.

"Beberapa negeri seperti Kuala Lumpur, Putrajaya, Sarawak dan Labuan sudah mencapai pemberian satu dos yang tinggi, manakala beberapa negeri perlu meningkatkan lagi pemberian vaksin bagi mengatasi masalah peningkatan kes," katanya.

Baru-baru ini, kerajaan melancarkan 'operasi lonjakan kapasiti' di Kuala Lumpur dan Selangor untuk meningkatkan suntikan vaksin bagi membendung penularan pandemik di Lembah Klang.

Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK), Khairy Jamaluddin, dilaporkan berkata menerusi 'operasi lonjakan kapasiti', pihaknya kita akan pastikan setiap individu dewasa di Kuala Lumpur dan Selangor akan terima sekurang-kurangnya satu dos menjelang 1 Ogos.


OLIMPIK: Penganjur nasihat jangan gigit pingat

LAIN-LAIN (SUKAN) Jul 27, 2021 @ 10:09pm


OLIMPIK: Farah Ann selamat tiba di KLIA


NASIONAL Jul 27, 2021 @ 7:08pm
Tajuddin dikompaun lagi

MYRESIPI


RESEPI Jul 11, 2021 @ 12:43pm
Resepi Chicken Wings Ala 4 Fingers, Lagi Jimat & Puas Makan Di Rumah


TIPS & PETUA Jul 11, 2021 @ 12:42pm
Tips Telur Dadar Gebu & Sedap, Hanya Guna 3 Bahan Sahaja!


RESEPI Jul 9, 2021 @ 12:01pm
Resepi Mudah Aiskrim Mochi, Memang Nikmat Cair Di Dalam Mulut!


TIPS & PETUA Jul 9, 2021 @ 12:00pm
Tips Hilangkan Karat & Kesan Kerak Pada Kuali, Confirm Berkilat, Tak Payah Beli Baru Dah!


TIPS & PETUA Jul 8, 2021 @ 12:05pm
Tips Penting Untuk Pengguna Air Fryer, Supaya Tahan Lama & Menjamin Keselamatan!

OHBULAN


KINI TRENDING Jul 27, 2021 @ 3:02pm
'Minta Maaf Tak Dapat Bawa Pulang Jodoh & Anak-Anak' – Nenek Caprice Meninggal...


VIRAL Jul 27, 2021 @ 2:01pm
[VIDEO] Macam Dalam Filem! Penumpang 'Cuak' Pintu Terbuka Masa Tren LRT Bergerak


FOODPANDAPRO Jul 27, 2021 @ 1:38pm
foodpanda Lancar pandapro Dengan Pelbagai Manfaat Eksklusif!




'Upload Gambar Syaitan, Satu Malaysia Kecoh' – Caprice

Khairy menyasarkan menerusi operasi itu, keupayaan dan kapasiti vaksinasi di Lembah Klang akan ditingkat daripada 180,000 dos sehari kepada 272,000 dos sehari.

Kelmarin, sebanyak 521,923 dos vaksin diberikan di seluruh negara, iaitu kadar tertinggi sejak program vaksinasi bermula.
Daripada jumlah itu, 219,923 suntikan diberi di Lembah Klang, menjadikan 80.6 peratus populasi dewasa di Kuala Lumpur dan Selangor kini sudah terima sekurang-kurangkan satu dos vaksin.

## BERITA BERKAITAN



NASIONAL Jul 27, 2021 @ 8:56pm
**Petugas kesihatan main peranan besar kawal COVID-19**



NASIONAL Jul 18, 2021 @ 5:06pm
**Operasi akan diperluas ke N Sembilan, Perak, Pahang**



NASIONAL Jul 26, 2021 @ 12:35pm
**Program vaksinasi akan terus diperkasa - Muhyiddin**



NASIONAL Jul 10, 2021 @ 10:41pm
**COVID-19: Bantuan negeri atasi situasi kritikal di Lembah Klang**

Disyorkan untuk anda Recommended by

**Dwayne 'The Rock' Johnson Buys Georgia...**
Mansion Global

**Can UMNO and Barisan Nasional return to...**
CNA - Insight
Watch More

**Wedding Gowns That Shouldn't Reach the Aisle**
TooCool2BeTrue

**Ease into AIOps: A 4-step plan**
TechBeacon

**Actor Sylvester Stallone Selling La Quinta,...**
Mansion Global

**Why you need to get used to SolarWinds**
TechBeacon

**Muhammad Ali's Kentucky Home Finds a Buyer**
Mansion Global

**App sec maturity: How to get there—and stay there**
TechBeacon

## SIRAPLIMAU



OLIMPIK2021 Jul 27, 2021 @ 2:42pm
**[FOTO] Wajah Jelita Pemain Bola Tampar Turki Di Olimpik Curi Tumpuan, 'Cair'...**



FAMILI Jul 27, 2021 @ 11:54am
**Dapat Kejutan Masa Birthday, Ibu Sebak 2 Kali Raya Pun Anak Tak Dapat Balik...**



DAFTAR VAKSIN KANAK-KANAK Jul 27, 2021 @ 10:51am
**Hanya Sejam Melihat Dunia, Bayi Usia 24 Minggu Korban Termuda Covid-19**



CARA PENGAMBILAN CUKA EPAL Jul 26, 2021 @ 6:57pm
**8 Khasiat Cuka Epal (Apple Cider Vinegar) & Cara Pengambilan**




CARA LATIH ANAK POTTY TRAINING Jul 26, 2021 @ 11:35am
**Ini Jenis Tandas 'Training' Boleh Beli Di Shopee Untuk Latih Anak Potty Training**

IKUTI KAMI DI:

2021 © BH, New Straits Times Press (M) Bhd. A part of Media Prima Group
Redaksi Disclaimer Notis Perlindungan Data Peribadi